

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96**

**Mac/April 1996**

**PLG 318/3 - Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu I**

**(Masa : 3 jam)**

**Jawab empat (4) soalan semuanya. Pilih satu soalan daripada setiap bahagian.**

**Bahagian A**

1. a) Nyatakan sepuluh pendekatan yang digunakan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu dan jelaskan lima daripadanya secara ringkas. Jawapan anda hendaklah disertakan dengan contoh.

**(10 markah)**

- b) Sediakan rancangan pengajaran mingguan bagi pelajar-pelajar tingkatan empat untuk selama dua minggu.

**(15 markah)**

2. a) Dalam pengajaran cerpen, guru-guru perlu merancang pelbagai aktiviti yang menarik untuk meningkatkan kefahaman pelajar. Secara ringkas jelaskan sepuluh daripada aktiviti tersebut.

**(10 markah)**

- b) Nyatakan sepuluh kemahiran yang dapat dipelajari oleh pelajar dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu. Jawapan anda hendaklah disertakan dengan contoh yang jelas.

**(15 markah)**

**...2/-**

**Bahagian B**

3. a) Lukiskan rajah pohon menunjukkan tema dan persoalan yang dikemukakan oleh pengarang dalam novel Mereka Yang Tertewas.

(10 markah)

- b) Rancangkan aktiviti-aktiviti pengajaran yang menarik untuk mengajar tema dan persoalan dalam novel Mereka Yang Tertewas kepada pelajar-pelajar tingkatan empat.

(15 markah)

4. a) Pilih satu daripada cerpen di bawah dan lukiskan carta aliran menunjukkan latar tempat dan latar masyarakat dalam cerpen tersebut.

- i) Gulai Rawo  
ii) Cincin      ]  
iii) Neneh      ] teks Kelapa Nan Sebatang

(10 markah)

- b) Huraikan dengan terperinci set induksi, langkah-langkah pengajaran dan alat bantu mengajar yang anda akan gunakan untuk mengajar latar tempat dan latar masyarakat bagi satu daripada cerpen di atas untuk pelajar-pelajar tingkatan lima.

(15 markah).

- 3 -

**Bahagian C**

5. a) Lukiskan rajah minda menunjukkan mesej yang terdapat dalam drama Malang atau Penantian.

(10 markah)

- b) Sediakan satu rancangan pengajaran yang menarik untuk mengajar mesej dalam drama Malang atau Penantian kepada pelajar-pelajar tingkatan lima.

(15 markah)

6. a) Nyatakan aspek-aspek yang harus dikaji dalam cerita-cerita prosa klasik bagi peringkat tingkatan empat dan lima.

(10 markah)

- b) Berdasarkan cerita dalam lampiran A, sarankan aktiviti-aktiviti pengajaran yang menarik untuk mengajar gaya bahasa prosa klasik ini kepada pelajar-pelajar tingkatan lima.

(15 markah)

...4/-

- 4 -

**Bahagian D**

7. a) Berdasarkan sajak dalam lampiran B, bincangkan unsur-unsur bahasa dan nada dalam sajak terebut.

(10 markah)

- b) Nyatakan aktiviti-aktiviti pengajaran dan alat bantu mengajar yang anda akan gunakan untuk mengajar sajak Tanahair kepada pelajar-pelajar tingkatan empat.

(15 markah)

8. a) Nyatakan jenis puisi dalam lampiran C.

(2 markah)

- b) Berikan ciri-ciri puisi ini dari segi bentuk dan isi?

(15 markah)

- c) Nyatakan contoh-contoh alat bantu mengajar yang anda akan gunakan untuk mengajar puisi ini kepada pelajar-pelajar tingkatan empat.

(8 markah)

- oooOooo -

## Sang Kancil Jadi Hakim

4

SIAKAU percertun datanglah scorang saudagar mengadukan halnya, denikian sembah pada baginda, "Ampun tuanku beribu-ribu ampun, adalah dua orang kanak-kanak yatim piatu menumpang tinggal di sisi dapur patik daripada kecilnya hingga kepada masa ini ia pun telah besarlah. Yang sulung itu berumur dua belas tahun, dan yang kecil itu delapan tahun. Maka di dalam masa yang selama itu tiadalah ia makan barang sesuatu makaman pun hanya dari sebab ia mencium bau makanan patik di dapur itu dan pada masa sekarang keduanya olah bendahari patik di dapur itu dan pada masa sekarang keduanya kanak-kanak itu hendak berpindah pula dari dapur patik itu ke tempat lain. Maka inilah patik permaklumkan ke bawah duli Syah Alam akan harga bau masak-masakan patik itu."

Syahadan serta didengar oleh baginda akan pengaduan saudagar yang loba itu, maka baginda pun termenunglah sejurus panjang menuikirkan pengaduan itu, lalu baginda bertitah pada Perdana Menteri dan orang besar-besar serta kepada segala arifin dan bijaksana sekalian yang hadir di balai penghadapan itu demikian titahnya, "Wahai mamanda dan wazir menteri hulubalang serta rakyat sekalian yang ada di dalam majlis ini, barangsiapa yang cakap boleh menyelesaikan pendakwaan di antara saudagar dengan anak yatim piatu ini mereka itu kelak kita gelari barang suatu pangkat kebesaran akan dia."

Maka tiada scorang yang bercakap menyempurnakan seperti titah baginda itu di antara khayarak yang sebanyak itu, dan demikian juga baginda sendiri beberapa kali tunduk tengadah mencari fikiran tida juga terputuskan oleh baginda sehingga bertambah-tambah takjub baginda memikirkan hal itu. Lalu baginda menitah panglimanya, iaitu serigala menyuruh jemput Tuk Hakim Kancil akan menutuskan bicara itu.

Maka pergila panglima yang tersebut tadi mencari Sang Kancil pada segenap rimba, ladang dan huma. Selang tiada berapala masyarakat bertemuulah ia dengan Sang Kancil sedang memakan taruk ubi pada suatu kebun orang, lalu disampaikan seperti titah baginda itu.

Arakan apabila hakim mendengarkan titah itu, wah apatah lagi ia pun berjalanlah dengan segeranya bersama dengan serigala itu. Ada sekerta di jalan sampailah ke halaman mahkamah Tuanku Raja Sulaiman alaihissalam. Maka demi terpandang sahaja segeralah ditegur oleh baginda itu akan Tuk Hakim serta persilakan naik didudukkan dia pada takhta baginda nemutuskan hukum itu.

Setelah Tuk Hakim sudah duduk beriringan dengan baginda, maka baginda pun menceritakan segala perihal aduan saudagar loba itu kepada Tuk Hakim daripada awal hingga ke akhirnya.

Maka suka tertawalah Tuk Hakim Kancil mendengarkan pendakwaan itu, seraya ia menjunjung duli mendatangkan sembah, "Ampun tuanku duli Syah Alam, jika sekiranya ada kurnia dan ihsan dari bawah tapak hadrat duli yang maha mulia, patiklah cakap membayarkan selesai sekalian hutang anak yatim piatu ini kepada saudagar di dalam majlis Syah Alam ini juga dengan tiada pula menjadi sesuatu hutang-piutang kepadaannya tetapi pohonkan hisab dan jumlah sekalian hutang pacal didik berapa semuanya dan patik harapkan dengan anugerah duli Syah Alam memberi pinjam rial, sementara selesai sahaja bicara ini, kemudian patik kembalikan ke bawah duli Syah Alam."

Hatta telah didengar oleh baginda dan saudagar serta orang besar-besar sekalian yang hadir di dalam majlis itu, maka kata saudagar dengan orang besar-besar itu, "Bahawa telah berpatutanlah sangat bagi kanak-kanak itu membayar seribu rial akan harga bau masakaninya itu."

Maka baginda pun berkata, "Benarlah juga seperti nilai dan hisab mereka itu sekalian."

Maka Tuk Hakim Kancil pun bertelut menyembah pada baginda sembahnya, "Jikalau sudah berpatutan pada bicara Syah Alam, baiklah tetapi patik pohonkan rial yang sebanyak itu, dari bawah duli mengurniakan pinjam kepada patik sementara sahaja bicara ini, patik sembahkan kembali ke bawah duli Syah Alam."

Maka baginda pun kabulkan seraya mentah penghulu bendahari membuka perbendaharaan mengambil rial yang tersebut itu. Maka penghulu itu menyembah lalu pergi mengerjakan seperti titah itu serta dipersembahkan kepada Tuk Hakim Kancil rial itu.

Setelah sudah, maka Tuk Hakim pun menyembah seraya berjalan masuk ke dalam sebuah bilik yang berhampiran dengan tempat bicara itu seraya berkata, "Hai tuan hamba datuk saudagar, terima-lah oleh datuk rial pembayaran anak yatim itu, inilah dia satu, dua, tiga, empat, sepuluh, dua puluh, seratus, tiga ratus hingga seribu."

Berderang-deranglah bunyi rial itu ditinting oleh Tuk Hakim itu bagaikan tuliliah telinga sekalian yang menghadap itu mendengarnya. Setelah genaplah seribu rial, ia pun keluarlah membawa pundi-pundi rial itu, lalu dipersembahkannya ke bawah duli Tuanku Raja Sulaiman.

Maka tercenganglah baginda serta khalayak yang banyak itu melihat kelakuan yang diperbuat oleh Tuk Hakim dengan terlalu takjub, masing-masing memikirkan apakah eri perbuatan yang demikian itu.

Maka baginda pun bertitah, "Hai Tuk Hakim, apakah maksud pekerjaan yang Tuk Hakim perbuat tadi?"

Maka Tuk Hakim pun menyembah, "Anpun tuanku beribu-ribu ampuun, adapun sekarang telah selesailah bicaranya di antara dauk saudagar ini dengan kanak-kanak kedua bersaudara itu, tiada lagi bersangkut paut dengan hutang-piutang, dari kerana bersanggatan patutnya yang berhutang dengan pembayarannya itu, oleh pengaduan datuk saudagar mengatkan kanak-kanak kedua bersaudara itu telah besar panjang, dari sebab menghidu bau roti dan lauk yang dimasak oleh bendaharinya. Maka sekarang pun datuk saudagar ini telah menjadi kaya-raya dan senang sentosa lagi megah mulia, kerana mendengar bunyi denting rial yang patik bilangan tadi, iaitu rial pembayaran anak yatim yang berhutang kepadanya itu."

Setelah didengar oleh baginda akan sekalian sembah Tuk Hakim itu, baginda pun bertitah pula, "Jikalau demikian, kenapa maka Tuk Hakim kembalikan rial itu kepada beta? Mengapa tiada dipulangkan kepada datuk saudagar itu?"

Syahadan demi didengar oleh Tuk Hakim, ia pun bertelut menjunjung duli pada baginda seraya mendatangkan sembah, "Ampun tuanku beribu-ribu ampuun dan maaf, adapun oleh tiada patik bayarkan rial itu kepada datuk saudagar, kerana ia telah menerima dengan telingunya akan bunyi rial yang patik bilang tadi daripada satu hingga ke seribu rial. Maka bukankah telah patutlah sangat bagi yang demikian, kerana kanak-kanak itu memakan masakan datuk saudagar dengan hidungnya dan datuk saudagar pun begitulah juga menerima wang itu dengan telinganya pula. Pada fikiran patik pacal yang dungu ini tiadalah teranaya salah scorang di antara keduanya itu, melainkan patik pohoukan berbanyak-banyak tiuk dan timbang serta hemat ke bawah duli Syah Alam juga dari ini."

Hatta telah didengar oleh baginda akan segala sembah Tuk Hakim itu, maka mengertilah dan fahamlah baginda serta berdiri sungguh-sungguh keadilan bagi hukuman yang diputuskan oleh Tuk Hakim

itu. Maka baginda pun terlaluh sukacitanya seraya menitahkan perdana menteri menzahirkan segala perihal pendakwaan itu yang telah diputuskan oleh Tuk Hakim pada sekalian menteri hulu balang orang besar-besar serta bala tentera dan rakyat sekalian yang hadir di dalam mahkamah itu, serta beberapa puji-pujian dan anugerah baginda pada Tuk Hakim. Maka saudagar loba itu pun kembalilah ke rumahnya dengan kemalu-maluhan oleh tak hasil maksud lobanya itu.

Maka termasyhurlah peri arif dan bijaksana Sang Kancil itu antara alam ini oleh akalnya dan tinggi hematnya, dari kerana yang demikian patutlah kita serukan padanya dengan, "Syabas beribu-ribu syabas," kerana tentulah diketahui oleh sekalian saudara kita perihal kecerdikan Sang Kancil itu, maka sepatutnyalah kita mengambil ingatan akan disimpan. Bahawasanya akal itulah suatu pemberian Tuhan yang maha baik sekali daripada seribu handai sahabat yang bebal lagi ahmuk itu. Dengerlah Sang Kancil ini bukankah suatu binatang yang kecil, tetapi oleh akalnya telah dilebihkan oleh Allah taala, maka beberapa banyak binatang-binatang yang buas-buas di perintahkannya dan diperbuatnya seperti hambanya sendiri, dan beberapa pula yang kena tipu dayanya. Demikian juga kita manusia, bukankah dari sebab akal kita yang berlebih-lebihan itu kia meruuh sabar dan insaf serta belas kasihan pada segempar kelemahan.

Hairanlah sungguh di hati fakir,  
Mendengarkan cerdik binatang kancil;  
Tubuhnya seni penuh berfikir,  
Akalnya itu sukar mencungkil.

Tidak disangka sekali-kali,  
Akan Sang Kancil bijak bestari;  
Seperti akalnya sudah memberi,  
Azab sengsara hendak mencari.

Cerdiknya itu sudahlah nyata,

Tetapi tak padan sifat rupa;  
Kancil pun jangan akan dikata,

Sungguh besar bukannya bapa.

Demikianlah diceritakan oleh orang yang empunya cerita serta dikarang oleh Daeng Abdul Hamid di dalam Jajahan Beruas.

**Tanahair**  
*Usman Awang*

Engkau, tanahku, pemilik perut yang berbudi  
penampung hujan, penyedut sinar matahari  
engkau lahirkan anak-anakmu; semaihan petani  
tidak pernah berhenti engkau lakukan  
tidak pernah berhenti petani-petani membelai-belaimu.

Engkau, tanahku, ibuku yang murni  
jasamu berjuta-juta tak terperi  
tenagamu dalam perutmu yang tak mati-mati  
aku kepunyaanmu dan kau kepunyaanku

Engkau, emakkku, merasakan juga segala yang keji-keji  
perutmu pernah ternganga dibongkar hitam besi  
mukamu diinjak-injak oleh mereka yang tak peduli  
anak-anak yang kaulahirkan selalu dicuri.

Engkau, ibuku pernah pula memangku pahlawan-pahlawan  
bermandi darah dalam perjuangan kemerdekaan  
sujud dalam kakunya meminta perlindungan  
dan ibuku, kau tenggelamkan mereka dalam dakapan.

Engkau, ibundaku, tenang menghadapi semua keadaan  
dan kami, putera-puteramu, bertegang dengan paluan-paluan  
kebencian dan penuh kemurkaan  
untuk sebuah negara seindah bulan  
untuk suatu masyarakat seadil timbangannya

Negara baru sedang kami cipta  
Masyarakat baru sedang kita bina  
tiada penjajahan, tiada kekejaman di dalamnya  
penuh kemakmuran penuh kebahagiaan isinya.

Inilah tujuanku, kami angkatan ini  
bersama buruh bersama tani!

**Mastika, Disember 1956**

## Seloka Gurauan

Anak dara dua sepasang,  
Pakai baju pakai kerongsang,  
Sebiji nanas, sebiji pisang,  
Belum tahu rezeki musang.

Encik Lotah di Sungai Dedap,  
Bunyi dayung derap-berderap,  
Tiada getah dengan terap,  
Burung terbang jangan diharap.

Tergesa-gesa di balik gumpung,  
Pelanduk seekor tidak terkepung,  
Encik bukan kera dan lotong,  
Ranting yang buruk hendak bergantung.

Candu dibungkus kain palas,  
Makan dia mata bilas,  
Mandi segan kerja malas,  
Harta orang hendak digalas.

Jalan-jalan sepanjang alam,  
Singgah-menyinggah di pagar orang,  
Pura-pura mencari ayam,  
Ekor mata di anak orang.

Candu celaka jangan ditubi,  
Tulang rusuk bagai seligi,  
Sahabat tenggang saudara benci,  
Datang ketagih hendak mencuri.

Ada seekor burung belatuk,  
Cari makan di kayu buruk,  
Tuan umpama ayam pungguk,  
Segan mencakar rajin mematuk.

Gigi bertatah dengan gewang,  
Klip kalau nampak berjahan,  
Rumah buruk lantai jarang,  
Kalau terperlus malu ke orang.

Harap ke mulut besar cakap,  
Kerja suatu tak boleh cekap,  
Kayuh perahu bagai tertiarap,  
Semua kehendak makan serap.